

Tingkat penyampaian khidmat kerajaan melalui teknologi AI

18/10/2024

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata, kerajaan negeri komited terhadap proses pendigitalan kerana dengan integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin, kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dipertingkatkan lagi. "Sebagai Ketua Menteri Sabah, keprihatinan utama saya adalah kemajuan dan pembangunan negeri kita," katanya pada Kongres Juru Ukur Antarabangsa Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) Sabah 2024 di sini, pada Khamis.


Teks ucapan beliau disampaikan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Masidi Manjun.

"AI adalah kuasa yang kuat dalam membentuk semula industri dan merevolusikan cara kita hidup dan bekerja. Ketika kita berada di ambang Revolusi Industri Keempat, integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pelbagai sektor termasuk pengurusan tanah, menawarkan peluang dan cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya.

"Dalam bidang pengukuran, hartanah dan pembinaan ia muncul sebagai pemangkin inovasi, mendorong tahap kecekapan, ketepatan dan prestasi yang luar biasa," katanya.

Hajiji turut menyeru profesion juruukur untuk memimpin dalam menerapkan teknologi AI dan pembelajaran mesin memainkan peranan transformasi dalam pengurusan tanah dengan meningkatkan kecekapan kerja, ketelusan, proses pengambilan keputusan dan sistem penyampaian.

"Dengan mengguna pakai AI generatif, juruukur dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha kerajaan



MASIDI mewakili Ketua Menteri merasmikan kongres itu.

Sabah dalam merumuskan, melaksanakan dan mengurus dasar perumahan, menangani cabaran seperti perumahan mampu milik serta mengoptimumkan penggunaan tanah dan perancangan bandar," katanya.

Dalam majlis tersebut, Hajiji turut menjelaskan Kongres Juru Ukur Antarabangsa RISM Sabah 2024 ini merupakan platform yang sangat baik untuk juru ukur meneroka dan memahami kuasa transformasi AI dan Pembelajaran Mesin.

"Ketika kita menerima AI dan kemajuan teknologi adalah penting untuk mengintegrasikan amalan lestari dalam strategi pengurusan tanah kita. Pengurusan tanah yang lestari memastikan bahawa kita menguruskan sumber tanah secara bertanggungjawab, mengimbangi pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar dan kesaksamaan sosial.

"AI memainkan peranan penting dalam mempromosikan pengurusan tanah yang lestari dengan memanfaatkan AI kita dapat memantau corak penggunaan

tanah, mengesan aktiviti haram dan menilai impak alam sekitar. Ini membolehkan kita membuat keputusan yang berinformasi dalam melindungi sumber semula jadi dan mempromosikan pembangunan yang lestari.

"Selain itu, AI dapat menyokong pemeliharaan biodiversiti dengan menganalisis data dari pelbagai sumber seperti imej satelit dan rangkaian sensor bagi memantau habitat hidupan liar dan menjejak perubahan dalam ekosistem.

"Maklumat tersebut penting untuk membangunkan strategi pemuliharaan yang berkesan dan mengurangkan impak perubahan iklim dengan mengintegrasikan AI ke dalam amalan pengurusan tanah kita dapat memastikan usaha pembangunan kita adalah lestari memberi manfaat kepada generasi semasa dan akan datang," ujarnya lagi.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Sr Safar Untong dan Pengerusi RISM Cawangan Sabah, Sr Robert Tseu Chen Chee.